

Bil. S 56

**AKTA IKHTISAS PEGUAM
(Penggali 132)**

**PERINTAH IKHTISAS PEGUAM (PERSATUAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM) (PINDAAN), 2003**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan tarikh anggapan permulaan kuatkuasa.
2. Pindaan perenggan 9 dari S 42/03.
3. Pindaan perenggan 15.
4. Pindaan perenggan 16.
5. Pindaan perenggan 17.
6. Pindaan perenggan 20.
7. Pindaan perenggan 22.

**AKTA IKHTISAS PEGUAM
(Penggai 132)**

**PERINTAH IKHTISAS PEGUAM (PERSATUAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM) (PINDAAN), 2003**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 62 dari Akta Ikhtisas Peguam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan tarikh anggapan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam) (Pindaan), 2003 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Ikhtisas Peguam (Pindaan), 2003 (S 40/03).

Pindaan perenggan 9 dari S 42/03.

2. Perenggan 9 dari Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam), 2003, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam perenggan kecil (2), dengan memasukkan "or persons to whom a Residence Permit has been granted under regulations made under the Immigration Act (Chapter 17)" sejurus selepas "nationals" dalam baris terakhir.

Pindaan perenggan 15.

3. Perenggan 15 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam perenggan kecil (b) perenggan kecil (1), dengan memotong "7" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "5";

(b) dalam perenggan kecil (c) perenggan kecil (1), dengan memotong "7" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "5";

(c) dengan memansuhkan perenggan kecil (10).

Pindaan perenggan 16.

4. Perenggan 16 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam perenggan kecil (b) perenggan kecil (1), dengan memotong "7" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "5";

(b) dalam perenggan kecil (c) perenggan kecil (1), dengan memotong "7" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "5";

Pindaan perenggan 17.

5. Perenggan 17 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan kecil (2) dengan memotong "annual" dari baris pertama.

Pindaan perenggan 20.

6. Perenggan 20 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam perenggan kecil (1), dengan memotong "annual" dari baris pertama;

(b) dalam perenggan kecil (2), dengan memotong "next following" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "in the following year".

Pindaan perenggan 22.

7. Perenggan 22 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan kecil (a) perenggan kecil (1), dengan memotong "annual" dari baris kedua.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 17 haribulan Disember, 2003 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO'PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Jurutulis Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,
Negara Brunei Darussalam